

30/10/1998

Asean masih kukuh: PM

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis - Semangat dan kerjasama Asean masih kukuh, walaupun berlaku sedikit perselisihan pendapat di kalangan sesetengah pemimpin negara anggotanya berhubung beberapa isu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan perbezaan pendapat itu sebagai masalah kecil, Perdana Menteri yakin ia dapat diselesaikan oleh negara anggota berasaskan semangat Asean.

Menurutnya, sehingga kini perpaduan dalam Asean tetap unggul dan untuk mengelak sebarang perselisihan faham berlarutan, adalah penting bagi pemimpin Asean tidak bercakap secara terbuka.

"Secara umum semangat dan kerjasama dalam Asean masih kukuh walaupun ada sedikit perselisihan di kalangan sesetengah pemimpin. Kita akan selesaikan perselisihan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Istana Darut Takwa selepas menghadap dan mengadakan perbincangan empat mata dengan Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, di sini petang ini.

Dr Mahathir yang tiba pagi ini untuk lawatan kerja dua hari ke Brunei Darussalam, disertai isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Ketibaan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bandar Seri Begawan disambut Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama Brunei, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman Dato Setia Haji Mohd Taib selaku menteri pengiring dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Wan Yusof Embong.

Pada tengah hari, Dr Mahathir menerima sumbangan lebih RM60,000 daripada rakyat Malaysia dan syarikat di Brunei untuk Dana Khas Negara, sempena jamuan tengah hari di Rumah Malaysia, di sini.

Perdana Menteri berkata, satu daripada cara mengelakkan perselisihan pendapat yang berlaku antara sesetengah pemimpin Asean ialah dengan tidak bercakap secara terbuka.

Menurutnya, pendekatan itu bukan saja bagi pemimpin tertinggi Asean, malah semua peringkat pemimpin termasuk kalangan menteri dan mereka yang ada jawatan dalam kerajaan.

"Sebab itu Malaysia dan beberapa negara Asean tidak bersetuju kita patut komen mengenai masalah dalaman negara dalam Asean. Saya berpedapat jika kita mula bertindak begitu, ia akan membawa kesan buruk. Kita semua ada beberapa perkara untuk dikritik sesama sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tertarik dengan kenyataan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, baru-baru ini bahawa jika ada masalah, ia hendaklah dibincang secara bersemuka.

Ditanya apakah ada elemen asing yang mungkin cuba menggugat kekuatan dan perpaduan Asean, Perdana Menteri berkata: "Saya tak tahu apakah ada cadangan begitu. Tapi nyata daripada cara mereka bertindak itu, mereka semacam mahu melihat Asean berpecah."

Menurut Perdana Menteri, beliau turut berbincang dengan Sultan Brunei mengenai isu Kemboja dan berharap negara itu dapat membentuk kerajaan bagi membolehkannya diterima sebagai kerabat Asean secepat mungkin.

Beliau berkata, perkara itu akan dibincang dalam Sidang Kemuncak Asean akan datang yang dijadual diadakan di Hanoi.

Mengenai pemuafakatan Asean menghadapi persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, Dr Mahathir yakin Asean mempunyai

pandangan konsensus mengenai beberapa isu seperti kewangan.

Ditanya mengenai perbincangannya dengan Sultan Brunei, Dr Mahathir berkata, mereka membincangkan isu hubungan dan kerjasama dua hala dan berpuas hati dengan status sekarang.

Perdana Menteri berkata, antara yang dibincang ialah cadangan penggunaan kad khas untuk mereka yang berulang alik dari Brunei ke Miri, Sarawak bagi memudahkan orang ramai.

Menurutnya, ini disebabkan ketika ini passport seseorang terpaksa dicop 16 kali bagi satu perjalanan ulang-alik. Penggunaan kad khas itu bagaimanapun mungkin dihadkan kepada mereka yang tinggal dekat kawasan sempadan saja sebagaimana yang dipraktikkan di antara Malaysia-Thailand.

Selain itu, Malaysia akan membincangkan secara terperinci permintaan Brunei supaya had penggunaan ruang udara diperluaskan sehingga 40,000 kaki (13,320 meter), berbanding 14,000 kaki (4,662 meter) yang dibenarkan sekarang.

"Kita kena kaji implikasi dan akan bincang secara terperinci, mungkin kerajaan akan buat cadangan balas," katanya.

Menurutnya, kerajaan turut menyatakan mengenai kesediaan menarik lebih ramai penuntut negara itu belajar di Malaysia, selain menggalakkan pelaburan Brunei. Dalam pada itu, Brunei menunjukkan komitmen untuk melabur dalam bidang hartanah dan perhotelan.

(END)